

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: DI PEMBUKAAN MENARA PROMET

TEMPAT: MENARA PROMET, KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 OCT 1983

MASA:

Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi  
dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah PROMET;  
Dif-dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pada hari ini saya turut bersama-sama bersyukur dan berbangga di atas kejayaan PROMET membina sebuah bangunan yang besar dan indah ini. Menara PROMET menambahkan satu lagi bangunan raksaksa di 'Golden Triangle' ibu kota kita.

2. Dengan bertambahnya bangunan-bangunan besar di sekitar Wilayah Persekutuan dan dengan pembangunan yang pesat yang berlaku dan sedang berlaku di dalam semua bidang, ibu kota Kuala Lumpur akan menjadi satu pusat berbagai aktiviti yang termoden dan terpenting menjelang tahun 90an. Tempo pembangunan yang pesat ini menjadi cabaran kepada semua pihak untuk memelihara ibu kota dan persekitarannya bukan sahaja dari segi keselesaan dan kemudahan bahkan juga dari segi kecantikan dan kebersihannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Satu perkara yang menarik berkenaan dengan pembinaan Menara Promet ini ialah ianya didirikan dalam satu jangka masa yang amat singkat. Begitu juga PROMET telah berjaya membina Terminal Kedua di Subang dalam tempoh masa 4 bulan sahaja, iaitu kurang separuh daripada 9 bulan yang dianggarkan. Keupayaan membina dengan cepat tetapi efisien dan kemas adalah penting dalam keadaan di mana inflasi sudah menjadi perkara biasa. Terdapat terlalu banyak pembinaan yang mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dirancang dan akibatnya bukan sahaja 'cost overrun' yang banyak tetapi pendapatan dari projek tergendala. Banyak rancangan Kerajaan yang mengalami masalah ini sehingga kadang-kadang perbelanjaan ialah berganda atau lebih lagi.

4. Memandang kepada masalah inilah yang Kerajaan baru-baru ini telah memilih cara 'Turn-Key' dengan 'fixed-cost' dalam pemberian kontrak. Cara ini menentukan bahawa 'cost overrun' tidak berlaku dan jangka masa pembinaan tidak melebihi jadual. Tetapi malangnya cara ini cuma boleh diberi kepada syarikat-syarikat yang betul-betul berkemampuan. Ini bermakna banyak daripada syarikat kecil dalam negeri tidak mendapat peluang selain daripada menjadi 'subcontractor' atau rakan perkongsian mengikut syarat pemberian kontrak yang dibuat oleh Kerajaan.

5. Harapan Kerajaan ialah supaya syarikat pembinaan di Malaysia akan membesarkan diri sama ada melalui 'merger' atau 'joint venture' supaya mereka juga mampu dan boleh ditimbangkan sebagai calon projek 'turn-key' secara besar-besaran. Zaman syarikat kepunyaan keluarga atau orang perseorangan dalam industri pembinaan sudah berakhir. Projek-projek yang ada sekarang memerlukan keupayaan kewangan, kejuruteraan, reka-bentuk, teknologi moden, kemampuan pengurusan yang tinggi supaya dapat dipercayai untuk menyelenggarakan projek yang bernilai beratus juta secara 'turn-key'. Kita tidak boleh pikul projek yang terbungkalai seperti yang berlaku kepada banyak projek sekolah di beberapa negeri.

6. Hari ini masih banyak daripada projek 'turn-key' yang dimenangi oleh syarikat asing. Saya berharap syarikat tempatan akan menyusun diri mereka supaya layak dan berjaya mengurus projek 'turn-key'. Syarikat-syarikat bumiputera tidak perlu seratus peratus bumiputera. Dalam tempoh penerokaan ini mereka harus sanggup bekerjasama dengan syarikat-syarikat lain baik dari dalam negeri atau dari luar. Yang penting sekali ialah mereka mempelajari bersungguh-sungguh cara-cara mengurus daripada rakan mereka dan daripada 'joint-venture' mereka.

7. Kerajaan sedar terhadap kesan pemberian kontrak kepada kontraktor luar negeri. Selain daripada kerugian yang dialami oleh kontraktor dalam negeri, negara juga kehilangan 'foreign exchange'. Tetapi perusahaan pembinaan adalah di antara perusahaan yang paling aktif dan meningkat. Hari ini perusahaan pembinaan telah memenuhi 4.7% dari GNP. Kemungkinan ialah ia akan meningkat kepada 5.2% dalam tahun 1990. Dari segi peluang kerja pula ia mewujudkan 337,000 pekerjaan. Ini dijangka akan meningkat kepada 413,000 dalam tahun 1990. Oleh itu pengusaha pembinaan tempatan hendaklah menyediakan diri untuk memainkan peranan yang lebih besar sesudah mempelajari daripada pengusaha luar negeri.

8. Di satu upacara pelancaran Dayabumi saya telah menyentuh tentang betapa pentingnya teknologi baru digunakan dalam industri pembinaan. Saya mengucapkan tahniah kepada PROMET yang menjadi syarikat tempatan yang pertama menggunakan 'steel-frame' dalam pembinaan menara PROMET. Kita dapat lihat bagaimana penggunaan teknologi baru dapat melicinkan proses pembinaan. Oleh itu saya harap pengusaha tempatan dapat mengubahkan sikap 'conservative' mereka. Mereka sepatutnya menjalankan penyelidikan sendiri dalam sains pembinaan, terutama pembinaan dalam alam tropika yang mana faktor cuaca adalah berbeza dari yang terdapat di negara-negara 'temperate' dari mana kita dapati teknologi kita. Begitu juga adat resam dan nilai-nilai tempatan hendaklah diambilkira dalam reka-bentuk dan peralatan yang diguna di negara tropika, khususnya di Malaysia. Saya syorkan supaya kajian khas dibuat oleh kontraktor-kontraktor dengan dibantu oleh universiti tempatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PROMET bagi pihak Kuala Lumpur walaupun saya tidak diberi mandat oleh Dato Bandar. Terima kasih ini ialah kerana akhirnya hilanglah the 'biggest eye-sore in Kuala Lumpur' -- iaitu bangkai bangunan Belmont Centre. Saya masih ingat di waktu Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 1977 saya berasa amat malu sekali kerana bangkai Belmont Centre didedah kepada pemimpin-pemimpin negara ASEAN yang bersidang di Hotel Hilton. Keadaan bangkai ini begitu buruk sekali dengan rangka besi dan simen yang berselaput dan rumput-rampai di sekelilingnya.

10. Alhamdulillah, hari ini menara yang mengganti bangkai tadi merupakan satu bangunan yang indah dan moden yang melambangkan bukan sahaja kemajuan PROMET tetapi juga Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan. Saya berharap bangunan ini akan dipenuhi oleh pengusaha-pengusaha yang maju dan kegiatan perdagangan yang berhasil. Di samping itu saya harap ramai yang akan bekerja di sini dalam apa juga jawatan supaya kejayaan Promet akan membawa manfaat kepada ramai penduduk Kuala Lumpur ini, dan seterusnya penduduk negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Sebagaimana kita maklum, Kerajaan telah melancarkan Kempen Kebersihan Seluruh Negara. Tujuan kempen ini ialah untuk menyedarkan semua pihak dan setiap individu tentang kepentingan menjaga kebersihan setiap inchi bumi negara kita. Tetapi tujuan untuk menyedarkan berbagai pihak tentang keperluan kebersihan bukanlah supaya kebersihan ini dijadikan sebagai acara pesta di mana yang dipentingkan ialah 'PR' dan selepas itu masing-masing balik seperti biasa juga -- lupakan tentang tanggungjawab terhadap kebersihan sebagai amalan biasa setiap masa. Janganlah Kempen Kebersihan menjadi seperti kempen keselamatan jalan raya atau kempen mencegah hisap rokok, di mana lebih banyak kempen diadakan lebih ramai yang mati kerana kemalangan jalan raya dan jualan rokok lebih laris. Yang penting bukan kempen dan acara kempen tetapi kesan terhadap sikap dan tabiat kita.

12. Selain daripada Kempen Kebersihan, Kerajaan juga telah berusaha mengindahkannya alam sekitar. Sejak desakan ini dibuat, Kuala Lumpur ternampak lebih mengijau. Dewan Bandaraya telah berjaya menanam pokok-pokok dan rumput supaya Kuala Lumpur tidak lagi menjadi 'concrete jungle'. Tetapi usaha Dewan Bandaraya sahaja tidak mencukupi. Pemaju bangunan-bangunan hendaklah berusaha supaya tempat mereka juga dihiasi dengan pokok-pokok dan landscaping yang boleh mencantikkan lagi bangunan mereka. Di samping itu nilai bangunan mereka akan meningkat dan mereka akan mendapat lebih banyak hasil daripada sewa bangunan. Saya juga harap mereka menolong Dewan Bandaraya membersih, mengindah dan menjaga kawasan-kawasan awam yang berdekatan dengan bangunan

mereka seperti 'dividers' dan 'traffic islands' dan taman-taman kecil yang diadakan oleh Dewan Bandaraya. Dengan cara ini kita boleh berbangga dengan Ibu Kota dan bandar-bandar kita yang lain.

13. Kuala Lumpur mesti dijadikan satu 'Garden City' dan bukan 'concrete jungle'. Untuk ini pengindahan, kebersihan dan kawalan yang ketat perlu diadakan. Pemaju, pegawai dan orang ramai mestilah berbangga dengan Ibu Kota mereka dan kebanggaan ini hendaklah dibuktikan dengan kesedaran terhadap menjaga kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur. Jika bangunan-bangunan yang menelan belanja ribuan juta ringgit dikelilingi dengan sampah sarap, maka sia-sia sahajalah perbelanjaan yang begitu banyak. Sebenarnya cuma sedikit peruntukan dan belanja sahaja yang diperlukan bagi menjaga kebersihan dan keindahan tempat kerja dan tempat tinggal kita. Saya mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada PROMET yang telah berusaha mematuhi kehendak Kerajaan dan masyarakat dalam soal-soal yang saya telah bangkitkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PROMET dan kepada Pengerusinya Tan Sri Ibrahim Mohamad yang telah berjaya mendirikan Menara ini dalam jangkamasa yang dijanjikan.

15. Akhir kata, saya dengan sukacitanya membuka Menara PROMET ini dengan rasminya. Sekian, terima kasih.